

# Jom Heboh ganti Sureheboh

**N**ILAI: Syurga beli-belah Nilai 3, dekat sini, menjadi lokasi terakhir penggunaan nama Sureheboh, Karnival popular anjuran TV3 yang akan ditukar kepada Karnival Jom Heboh, bermula di Melaka, awal bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima Bhd, Datuk Farid Ridzuan, berkata keputusan itu selaras usaha memastabat dan memperkasakan bahasa Melayu.

"Penonton akan dapat melihat promosi karnival yang menggunakan nama baru itu untuk destinasi ketiga

**“Promosi karnival gunakan nama baru iaitu di Melaka pada 1 dan 2 April ini”**

**Farid Ridzuan**

Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima Bhd

kami tahun ini, iaitu di Melaka pada 1 dan 2 April ini.

"Penggunaan nama baru untuk karnival ini tidak sempat digunakan di Nilai kerana kami kesuntukan masa untuk berbuat demikian," katanya.

Karnival Sureheboh dilancarkan empat tahun lalu, tetapi dikritik pelbagai pihak, terutama pencinta bahasa kerana menggabungkan perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Farid berkata, syaratnya itu akur dengan usaha kerajaan mengangkat bahasa Melayu ke tahap sewajarnya, sekali gus memutuskan nama Karnival Sureheboh yang tidak asing lagi di kalangan penonton setia TV3 ditukar kepada Jom Heboh.

Sementara itu, hari terakhir karnival semalam terus menarik kunjungan ramai sebelum diakhiri dengan konsert artis seperti Amy Search, Ning Baizura, Reshimou, Nita Malaysian Idol, Hazami, Pija Mentor dan Ito & The Blues Gang.



JADI TUMPUAN: Orang ramai membanjiri lokasi Sureheboh di Nilai 3, semalam.